

15/03/2001

Dua nama disyor ketuai Puteri Umno

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Sekurang-kurangnya dua nama dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Umno untuk mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Presiden Umno berkata, nama terbabit akan dikemukakan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapat pandangan serta kelulusan.

"Sebaik saja Presiden Umno membuat keputusan, maka kita akan umumkan siapa di antara nama yang akan dilantik," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno selama kira-kira dua jam di sini, petang ini.

Abdullah bagaimanapun enggan memberitahu nama yang dicadangkan itu sama ada daripada kalangan exco Wanita Umno atau Majlis Tertinggi (MT) parti.

"Kita pun ada juga nama yang kita fikir sesuai dipertimbangkan. Jadi tak eloklah saya beritahu nama sebelum presiden parti mengetahuinya. Adalah satu dua nama... cukuplah, banyak-banyak payah nak buat keputusan," katanya.

Bagaimanapun katanya, nama-nama yang dicadang untuk jawatan Ketua Puteri Umno itu bukan ahli baru parti.

Beliau berkata, ketua puteri itu hendaklah berusia 40 tahun ke bawah, manakala ahlinya pula hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun, "Ketua (puteri) boleh sampai umur 40 tahun tetapi tidak bermakna umur 28 tahun tak boleh jadi ketua. Umur 30 atau 34 tahun pun boleh...anda pergi cari siapa yang ada pada umur itu," katanya secara berseloroh.

Mesyuarat MT bulan lalu yang menerima struktur organisasi Puteri Umno memutuskan bahawa jawatankuasa penajanya akan dianggotai 20 ahli dengan tujuh daripadanya dilantik MT dan 13 lagi dipilih melalui badan Perhubungan Umno negeri.

Abdullah berkata, mesyuarat hari ini tidak membincangkan senarai yang dikemukakan oleh badan perhubungan wanita Umno negeri yang dicadangkan untuk menganggotai jawatankuasa penaja Puteri.

"Semua nama yang dikemukakan iaitu satu nama dari setiap negeri, kita terima saja. Tujuh lagi nama (daripada MT), belum lagi... kita belum lagi cukup namanya," katanya.

Selain itu, katanya, beberapa kes disiplin termasuk salah laku dan penggunaan wang dalam mesyuarat peringkat cawangan Umno yang sedang berlangsung, akan diserahkan kepada Lembaga Disiplin untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, ada kes yang dirujuk kepada jawatankuasa bahagian atau badan perhubungan Umno negeri untuk diselesaikan.

"Kita sudah mendengar maklumat mengenai perjalanan mesyuarat cawangan.

Keseluruhannya berjalan lancar walaupun ada beberapa aduan diterima terutama sekatan terhadap ahli yang sudah membayar yuran, daripada menyertai mesyuarat.

"Ada beberapa cawangan yang menghadapi masalah ini dan memerlukan perhatian segera. Kita tidak mahu ahli yang sudah membayar yuran tetapi tidak dibenar menghadiri mesyuarat," katanya.

(END)